



KENYATAAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG PERUBAHAN IKLIM MERUPAKAN KERANGKA PERUNDANGAN MENYELURUH BAGI MEMPERKUKUH TINDAKAN MITIGASI DAN ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM MALAYSIA

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengambil maklum pandangan yang dilaporkan baru-baru ini berhubung Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUU PIN), khususnya berkaitan keutamaan adaptasi dalam menghadapi risiko perubahan iklim.

Kerajaan menghargai pandangan dan maklum balas semua pihak dalam usaha memperkukuh agenda perubahan iklim negara. Dalam hal ini, RUU PIN perlu dilihat sebagai sebahagian daripada ekosistem dasar dan perundangan perubahan iklim negara yang saling melengkapi bagi memastikan agenda perubahan iklim Malaysia dilaksanakan secara terancang dan bersepadu. Ia tidak wajar dilihat secara berasingan daripada dasar, strategi, pelan tindakan dan instrumen sedia ada.

RUU PIN merupakan kerangka perundangan nasional yang merangkumi aspek mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. RUU ini bertujuan menyediakan asas perundangan bagi memastikan tindakan perubahan iklim dapat dilaksanakan secara lebih tersusun, bersepadu, telus dan mempunyai akauntabiliti yang jelas. RUU PIN juga berperanan sebagai pelengkap kepada dasar, pelan tindakan dan strategi perubahan iklim sedia ada serta yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan, dan bukannya menggantikan instrumen-instrumen tersebut.

Adaptasi merupakan sebahagian daripada kerangka tindakan di bawah RUU PIN. Pendekatan berasaskan analisis risiko dan kerentanan iklim merupakan antara elemen penting dalam tindakan adaptasi bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko perubahan iklim secara lebih sistematik. Pendekatan ini juga akan menyokong pembangunan sasaran adaptasi kebangsaan dengan mengambil kira risiko dan keperluan pelbagai sektor.

Bagi menyokong proses tersebut, RUU PIN akan memperkukuh keupayaan Kerajaan untuk mendapatkan dan mengurus data serta maklumat berkaitan perubahan iklim daripada pelbagai sektor dan pihak berkepentingan. Sasaran adaptasi ini kemudiannya akan diterjemahkan melalui pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP) bagi memperkukuh daya tahan negara terhadap kesan perubahan iklim, selaras dengan hala tuju Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 (DPIN 2.0). Selain itu, Kumpulan Wang Perubahan Iklim di bawah RUU PIN akan menyediakan sumber pembiayaan khusus bagi menyokong pelaksanaan tindakan perubahan iklim, termasuk langkah-langkah adaptasi.

Kerajaan sedang membangunkan satu ekosistem tadbir urus perubahan iklim yang menyeluruh, dengan setiap instrumen mempunyai fungsi khusus dan saling melengkapi, iaitu:

- a. DPIN 2.0 – menetapkan hala tuju dasar, prinsip, teras dan keutamaan perubahan iklim negara;
- b. RUU PIN – menyediakan asas perundangan bagi memperkukuh tadbir urus, penyelarasan dan pelaksanaan tindakan perubahan iklim;
- c. Nationally Determined Contribution (NDC) dan NDC Roadmap – menetapkan komitmen serta sasaran iklim Malaysia di bawah Perjanjian Paris dan menterjemahkannya kepada hala tuju pelaksanaan;
- d. Long-Term Low Emission Development Strategies (LT-LEDS) – menetapkan hala tuju pembangunan rendah pelepasan karbon negara dalam jangka panjang;
- e. MyNAP – menterjemahkan keutamaan adaptasi kepada strategi dan tindakan bagi memperkukuh daya tahan negara terhadap kesan perubahan iklim;
- f. Fourth National Communication (NC4) – menyediakan data dan maklumat berkaitan profil pelepasan, risiko serta kerentanan iklim negara;
- g. Biennial Transparency Report (BTR) – melaporkan kemajuan komitmen iklim negara secara telus dan bertanggungjawab setiap dua tahun; dan
- h. Instrumen pasaran karbon – menyokong penetapan harga karbon, pembangunan Sistem Perdagangan Pelepasan (ETS) serta peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Keseluruhan kerangka ini akan disokong melalui mekanisme penyelarasan dan tadbir urus di peringkat nasional oleh Pihak Berkuasa Perubahan Iklim Negara (IKLIM) bagi memastikan dasar dan komitmen iklim dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan, pelaporan dan pembiayaan yang lebih terancang, bersepadu dan berkesan.

Malaysia kini mengambil pendekatan untuk melaksanakan tindakan mitigasi dan adaptasi secara serentak dalam menghadapi risiko perubahan iklim yang semakin kompleks. Antara risiko yang dihadapi termasuk banjir, cuaca ekstrem, kenaikan paras laut, hakisan pantai serta kesan terhadap sumber air, pertanian, kesihatan, infrastruktur dan ekosistem.

Secara asasnya, mitigasi menangani punca perubahan iklim melalui usaha mengurangkan pelepasan gas rumah kaca, manakala adaptasi mengurangkan risiko serta meningkatkan daya tahan terhadap kesan perubahan iklim. Kedua-duanya perlu dilaksanakan secara seimbang kerana tindakan adaptasi melindungi rakyat dan negara daripada kesan perubahan iklim, manakala tindakan mitigasi penting untuk mengurangkan peningkatan risiko tersebut dalam jangka panjang.

Agenda mitigasi turut mempunyai kaitan rapat dengan daya saing ekonomi negara. Malaysia memerlukan kerangka yang jelas bagi menyokong pengurangan pelepasan, pelaporan dan ketelusan data, pembangunan pasaran karbon serta pengurusan kredit karbon. Langkah ini bukan sahaja penting untuk memenuhi komitmen iklim antarabangsa, malah berupaya memperkukuh daya saing ekonomi, menarik pelaburan berkualiti, menggalakkan inovasi dan memastikan industri negara bersedia menghadapi perubahan landskap ekonomi global.

Pelaksanaan agenda perubahan iklim memerlukan pendekatan "*whole-of-nation*" yang melibatkan kerjasama semua pihak. Perubahan iklim merentasi sempadan kementerian dan sektor serta memerlukan penyelarasan dan kerjasama berterusan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, industri, akademik, masyarakat sivil dan komuniti. Justeru, pengukuhan mekanisme penyelarasan di peringkat nasional amat penting bagi memastikan dasar dan komitmen perubahan iklim dapat diterjemahkan kepada tindakan yang konsisten, berkesan dan memberi impak di lapangan.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan dasar dan instrumen perubahan iklim diterjemahkan kepada tindakan yang nyata di lapangan, berasaskan data dan sains, disokong pembiayaan yang mencukupi serta mempunyai mekanisme pemantauan yang jelas. Pendekatan ini penting bagi mengurangkan pelepasan karbon, memperkukuh daya tahan negara, melindungi rakyat dan ekonomi serta memastikan Malaysia bersedia menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang ekonomi yang terhasil daripada agenda perubahan iklim ini.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
10 SEPTEMBER 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia